

# PM ingatkan wakil rakyat patuhi etika, jauhi rasuah

BN - 29/3/2004,  
m/s 2

Oleh Zulkoffi Jamaludin  
dan Lokman Zainal Abidin

KUALA TERENGGANU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mengingatkan wakil rakyat Barisan Nasional (BN) supaya mematuhi etika dan menjaga diri daripada terbabit dengan gejala rasuah supaya tidak memalutkan rakyat di kawasan yang diwakili.

Perdana Menteri berkata, wakil rakyat juga tidak harus memalukan pemimpin, memalukan parti yang memberi sokongan untuk bertanding dan membolehkan mereka menang dalam pilihan raya.

Katanya, semua wakil rakyat perlu menjaga diri supaya menjadi pemimpin yang berwibawa dengan menjauhkan diri daripada memberi atau menerima rasuah.

"Wakil rakyat perlu bekerja dengan ikhlas dan penuh tanggungjawab kerana kita diberi amanah oleh rakyat. Kalau kita ingat ini, kita akan dapat menjalankan tugas dengan baik dan berjaya.

"Kejayaan ini (kemenangan pilihan raya) kejayaan besar yang sepatutnya menimbulkan kesedaran kepada kita betapa beratnya tugas yang perlu dilaksanakan dengan berkesan," katanya pada majlis meraikan petugas pilihan raya BN negeri di Primula Beach Resort, di sini semalam.


Turut hadir Menteri Besar, Datuk Idris Jusoh serta semua wakil rakyat dan pemimpin parti komponen BN negeri.

Perdana Menteri juga mengingatkan wakil rakyat bahawa kemenangan dalam pilihan raya boleh menimbulkan rasa seronok atau kejutan budaya kerana sekarang "kita disanjung oleh rakyat".

"Sebenarnya, kalau kita membuat kerja dengan baik untuk membawa pembangunan bagi kemudahan rakyat, semua orang akan sayang dan kita dihormati rakyat," katanya.

Abdullah turut mengingatkan wakil rakyat supaya mengemukakan laporan setiap tiga bulan dan mahu mereka memberi khidmat bermutu kepada rakyat.

Perdana Menteri turut mengucapkan terima kasih kepada rakyat Te-



SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN menerima menghadap Abdullah dan Idris di Istana Badariah, Kuala Terengganu, semalam. - Gambar oleh Shuhaimi Ahmad

rengganu yang memberi mandat besar kepada BN untuk memerintah semula Terengganu.

Serentak itu, Perdana Menteri yang mengadakan lawatan pertama selepas BN menang pada pilihan raya umum 21 Mac lalu, memberi perakuan bahawa Kerajaan Pusat akan memberi bantuan kewangan bagi membolehkan kerajaan negeri melaksanakan semua projek pembangunan yang dijanjikan.

"Agenda seterusnya membangunkan negeri dengan projek pembangunan bagi melahirkan rakyat Terengganu Bestari," katanya.

Sebelum itu pada sidang akhbar, Perdana Menteri berkata kerajaan mengutamakan sektor pendidikan dan Umno sebelum ini pun membuktikan kemampuan melaksanakan program sehingga Terengganu mun-

cul negeri terbaik tiga tahun berturut-turut dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

"Kerajaan akan melaksanakan agenda pembangunan kerana rakyat sedang menunggu pembangunan dan bagaimana ia akan dilaksanakan berdasarkan moto manifesto (pilihan raya tambahan) Islam Hadhari Terengganu Bestari," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri, di sini.

Perdana Menteri yang diiringi Idris kemudiannya menghadap Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin di Istana Badariah.

Dalam pilihan raya umum lalu BN menang 28 daripada 32 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan merampas semua kerusi Parlimen.

Abdullah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata,

Kerajaan Pusat tahu mengenai masalah kewangan yang dihadapi Terengganu dan sudah memaklumkan kepada Idris mengenai bantuan berkenaan.

"Bantuan itu akan memastikan semua program yang sudah dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya demi negeri dan rakyat Terengganu," katanya.

Beliau berkata, sudah tiba masanya BN Terengganu menjayakan agenda pembangunan negeri seperti yang dinyatakan dalam manifesto tambahan pada pilihan raya umum lalu.

Ditanya mengenai royalti minyak, Abdullah berkata, walaupun tidak dibincangkan, Kerajaan Pusat mengetahui kerajaan negeri memerlukan wang untuk melaksanakan pelbagai pembangunan dan dana yang diperlu akan disalurkan.

"Kerajaan percaya pelaburan akan

bertambah di Terengganu dan sektor pelancongan akan pulih. Begitu juga industri akan pulih dan saya yakin kegiatan ekonomi akan meningkat bagi faedah rakyat.

"Kerajaan juga akan mengukuhkan sektor perkhidmatan dan menumpukan sektor pertanian kerana ramai penduduk Terengganu tinggal di kawasan luar bandar," katanya.

Sementara itu, Idris berkata, kemenangan besar BN pada pilihan raya lalu membuktikan 'peteh keteng' (tikam belakang di kalangan pemimpin Umno negeri) sudah tidak berlaku di Terengganu.

Beliau berkata, kemenangan itu membuktikan rakyat memberi mandat kepada BN kerana mereka mahu kerajaan melaksanakan pelaburan, sektor pelancongan dan meningkatkan bidang pendidikan.